



Perkhidmatan penjara

LEMBARAN FAKTA

Disediakan oleh Department of Justice
(dahulu Department of Corrective Services)

Perkhidmatan Penjara di Wilayah Lautan Hindi

Department of Justice — Corrective Services menyediakan perkhidmatan berikut bagi pihak Kerajaan Australia:

- perkhidmatan pengelolaan atas pesalah dewasa dan remaja, demi melindungi komuniti;
- campur tangan yang diperlukan supaya pesalah dewasa dan remaja dapat menjalani perubahan positif dalam hidup mereka dan mengurangkan penglibatan dalam sistem keadilan jenayah;
- menyokong pesalah dewasa dan remaja agar menjadi rakyat yang bertanggungjawab dengan mengamalkan cara hidup yang mematuhi undang-undang; dan
- mempromosikan pencegahan jenayah.

Apakah ertinya bagi saya?

Keselamatan komuniti anda dilindungi melalui Department of Justice — Corrective Services. Setiap pesalah mendapat sokongan dalam proses pemulihannya.



Youth Justice Services (YJS) bertanggungjawab ke atas keselamatan, keamanan dan pemulihan remaja dalam tahanan dan mereka yang terlibat dengan YJS dalam komuniti. **YJS berpandu pada prinsip [Young Offenders Act 1994 \(WA\)](#)**; atas dasar ini, remaja berada di tengah-tengah apa sahaja yang dilakukannya. YJS menyelaras sokongan daripada keluarga, komuniti, kerajaan dan agensi bukan kerajaan untuk menguruskan keperluan remaja yang kompleks, dan mengalihkan diri mereka dari sistem keadilan jenayah ke arah kehidupan yang mematuhi undang-undang.

Untuk mendapatkan penerangan lanjut

Cara menghubungi

Telefon

Laman web

Butir-butir hubungan

08 9264 1600

www.correctiveservices.wa.gov.au